

Hujan asid di Ibu Negeri

DAILY EXPRESS, 26 SEPT 1997

Oleh KAN YAW CHONG

KOTA KINABALU: Ibu negeri mencatatkan kejadian hujan asid yang pertama dalam sejarah pada malam Rabu, satu analisis contoh hujan Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang diambil dalam hujan lebat mengejut pada jam 10 malam mendedahkan.

"Satu ujian makmal ke atas air hujan itu menunjukkan nilai Ph 3.85", kata Dr Marcus Jopony, pensyarah kajian sains alam sekitar di Sekolah Sains dan Teknologi universiti itu.

Dr Jopony berkata beliau telah melakukan kajian seumpama itu di Kota Kinabalu dahulu dan tidak pernah menemui bacaan yang begitu rendah.

"Selalunya, sukatan kita konsisten di atas 5.6 dengan tidak ada pergolakan", katanya.

"Hujan asid ditakrif sebagai hujan dengan nilai Ph yang kurang daripada 5.2. Negara-negara tertentu menggunakan sukatan kurang daripada 5.6. Sebarang bacaan yang lebih rendah daripada itu dianggap hujan asid", terangnya.

Katanya asid karbonik sering wujud dalam air hujan kerana percampuran dengan karbon dioksida dalam udara, rekod sejarah hujan asid ini boleh jadi disebabkan oleh kewujudan asid organik di ruang udara kita akibat pembakaran bahan-bahan yang mudah diserap seperti kebakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera.

Ditanya kesan hujan asid ini, Dr Jopony berkata 3.85 adalah "kadar asid sederhana" tetapi ia bergantung kepada apa sebenarnya yang menyumbang kepada asid itu.

Untuk itu, katanya UMS akan mengawasi keadaan dalam masa beberapa minggu ini. Katanya hujan asid tidak akan memberi impak sekiranya ia hilang selepas hujan sekejap-sekejap.

"Tetapi jika wujud asid berterusan, ia akan memberi kesan kepada sistem pernafasan kita dan kesan ke atas organisma sensitif.

"Ini boleh berlaku apabila orang menyedut embun asid pada waktu pagi. Atau apabila hujan tidak begitu lebat, mungkin partikel asid akan terapung di udara", katanya.

Untuk ini, katanya adalah dinasihatkan supaya orang ramai mengelak daripada terdedah kepada hujan dan memakai topeng ketika keadaan jerebu berterusan, katanya.

Di KUCHING: Jabatan Kesihatan Sarawak pada Rabu lepas, memberi amaran kepada penduduk di sana bahawa cuaca sejuk boleh membawa hujan asid yang boleh menimbulkan gangguan sistem pernafasan kanak-kanak dan juga asma.

"Apabila hujan turun, orang ramai harus berlindung dan jangan terdedah kepadanya", kata Pengarahnya Dr Mohd Taha Arif.

Untuk pertama kali dalam sejarah, Sarawak diisytiharkan darurat akibat jerebu apabila Indeks Pencemar Udara (IPU) mencecah aras 600 Jumaat lalu, dan tidak ada tanda-tanda keadaan akan berkurangan.